



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
PERHIMPUNAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN
MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH NEGERI MELAKA
(MACP) 2022-2026**

**TARIKH: 28 JULAI 2022 (KHAMIS), MASA: 8.30 PAGI
DI AUDITORIUM, AYER KEROH, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya,
Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis;

(SALUTASI DI ATAS ROSTRUM)

1. Alhamdulillah, pertamanya, marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana dapat bersama-sama hadir pada **Majlis Perhimpunan Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) 2022-2026.**
2. Aulianya, izinkan saya memetik mafhum ayat suci al-Quran dari **surah Al-Isra', ayat 7**, berbunyi:

“Jika kamu berbuat kebaikan (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan ialah untuk diri kamu dan jika kamu berbuat kejahatan maka (kesan yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.”

3. Berbekalkan firman ini, Allah SWT menyeru kita untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh, bertanggungjawab dan ikhlas semata-mata kerana-Nya. Kita juga semua sedia maklum bahawa bekerja ini merupakan sunah Nabi Muhammad SAW dan usaha terbaik adalah dengan hasil usaha tangan sendiri.

Saudara dan saudari, penjawat awam yang dikasihi sekalian,

A. INTEGRITI PENJAWAT AWAM

4. Seajar dengan aspirasi daripada Amanat Tahun Baharu 2022 yang bertemakan “**KECEKAPAN PELAKSANAAN DEMI KEMAKMURAN NEGERI MELAKA**”, di antara kecekapan pelaksanaan yang perlu dijadikan asas dalam kalangan penjawat awam ialah, memahami konsep '*government of the day*' dengan sentiasa menyokong serta melaksanakan

semua agenda pembangunan yang telah diputuskan oleh kerajaan.

5. Bagi memastikan organisasi awam terus kekal relevan, penjawat awam hendaklah mempunyai daya **ketahanan yang tinggi (*resilient*)**, **fleksibel (*flexible*)**, **tangkas (*agile*)** dan **berinovasi (*innovative*)** **serta** dilengkapi dengan nilai integriti yang tinggi.
6. Secara umumnya, penjawat awam perlu mengambil tindakan dengan pantas, tidak berlengah (***sense of urgency***) serta sentiasa bersungguh-sungguh seperti maksud ayat Quran yang saya baca sebentar tadi.

7. Kita juga hendaklah menjadi penjawat awam yang berpaksi kepada rakyat (***citizen centric***), berfikiran realistik serta sentiasa bersedia menyelesaikan pelbagai masalah merentasi jabatan dan agensi demi kesejahteraan rakyat.

8. Melalui amalan ini, ia akan dapat meningkatkan nilai tambah dan produktiviti perkhidmatan awam, sekali gus meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri.

Datuk-datuk, tuan-tuan, puan-puan, para penjawat awam yang dihormati sekalian,

9. Dalam menghadapi cabaran untuk memenuhi kehendak pelanggan atau rakyat masa kini, penjawat awam hendaklah sentiasa bersiap siaga dan membuat persediaan rapi melalui platform perkhidmatan yang holistik, kukuh serta kalis masa hadapan. Keterangkuman idea dan jalinan kerjasama (*a networking government*) daripada semua pihak merupakan resipi kejayaan perkhidmatan awam yang cemerlang.

10. Perkhidmatan awam yang bersifat responsif dan dinamik terhadap keperluan rakyat sudah pasti dapat membangunkan negeri ke arah masa hadapan yang lebih gemilang. Untuk itu, **perubahan minda dan tingkah laku** serta cara bekerja yang berinovasi perlu sentiasa diterapkan dalam perkhidmatan.

11. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan yang dilakukan, **nilai integriti kekal sebagai tonggak utama** dalam perkhidmatan. Di sini saya memaklumkan bahawa **integriti penjawat awam Negeri Melaka secara keseluruhannya berada dalam keadaan baik, namun terdapat juga**

segelintir mereka yang tidak berintegriti hingga merosakkan imej perkhidmatan awam, ibarat peribahasa, “*akibat nila setitik, rosak susu sebelanga*”.

12. Berdasarkan maklumat daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), pada tahun **2021**, seramai **13** orang penjawat awam Negeri Melaka telah ditangkap dan bagi tahun **2022** hingga ke hari ini, seramai **9** orang telah ditangkap oleh pihak SPRM. Jika dibandingkan dengan bilangan penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka

seramai **5,675** orang, ia hanyalah **kurang daripada 1 peratus**.

13. Sungguhpun begitu, ingatlah...bahawa rakyat sentiasa memerhatikan dan pihak SPRM tidak pernah lalai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Rekod perkhidmatan akan tercemar sekiranya seseorang penjawat awam ditangkap atas kesalahan rasuah.
14. Justeru, saya menyeru kepada semua ketua **jabatan dan agensi** masing-masing untuk menunjukkan contoh yang baik, kembalikan era **kepimpinan**

melalui teladan dan berusaha meningkatkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam. Pada masa yang sama, pantaulah pegawai dan kakitangan masing-masing agar tidak terlibat dalam perlakuan rasuah dan masalah integriti yang lain.

Saudara dan saudari penjawat awam yang saya hormati sekalian,

B. PELAN ANTIRASUAH NEGERI MELAKA 2022-2026

15. Alhamdulillah, pada hari ini satu lagi pelan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri telah berjaya disiapkan

iaitu **Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) 2022-2026** sebagai komitmen Kerajaan Negeri untuk memerangi rasuah.

16. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya zahirkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), atas usaha membantu Kerajaan Negeri Melaka dalam membangunkan **Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) 2022-2026, yang merupakan satu pelan yang penting dalam melaksanakan agenda antirasuah.**

17. Tahniah juga saya ucapkan kepada Unit Integriti, Jabatan Ketua Menteri Melaka serta seluruh jabatan dan agensi Negeri Melaka yang bertungkus lumus terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan MACP 2022 - 2026 ini.

18. Keperluan pembangunan Pelan Antirasuah Negeri Melaka selain daripada menyokong hasrat Kerajaan Persekutuan bagi memerangi rasuah secara habis-habisan melalui punca kuasa yang diberi, termaktub dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dengan aspirasi nasional agar **“Malaysia dikenali kerana**

integriti dan bukannya rasuah”, Kerajaan Negeri Melaka juga **‘tidak boleh tidak’**, turut mahu ke hadapan bagi memberikan sokongan dalam mengekang budaya rasuah di negeri ini.

19. Di samping itu, pelan ini juga diharap dapat membantu menangani isu tadbir urus, integriti dan antirasuah secara holistik, khususnya dalam perkhidmatan awam selain undang-undang membolehkan **tindakan punitif** terhadap pegawai-pegawai yang sengaja mengakibatkan berlakunya ketirisan, mahupun pembaziran dana kerajaan.

20. Usaha memerangi rasuah ini bukanlah sekadar retorik ataupun perkara yang perlu ditayang kepada umum untuk dijadikan kredit kepada pihak tertentu sahaja. **Kepentingan kepada negeri menjadi keutamaan dalam menggubal inisiatif-inisiatif secara tuntas dan berkesan bagi tempoh lima tahun yang akan datang** dan sebaiknya diteruskan dengan penambahbaikan.
21. Sehubungan dengan itu, melalui Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) 2022-2026 ini, **semua pihak terlibat dalam melaksanakan inisiatif bagi tempoh lima (5) tahun.** Ia amat signifikan dalam

mencerminkan harapan rakyat untuk membentuk sebuah negeri bebas rasuah serta warganya membudayakan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Saya difahamkan, antara kepentingan Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) ini adalah:-

- Pertama, mengembalikan keyakinan rakyat terhadap mutu perkhidmatan yang telus dan adil melalui pemantapan proses kerja yang efisien dan bebas rasuah.

- Kedua, menyelamatkan wang rakyat dengan menyeimbangkan pembangunan fizikal dan disokong dengan memperkasakan aspek kebajikan rakyat Negeri Melaka.
- Ketiga, mengintegrasikan agenda membanteras rasuah yang senada dan bergerak seiring dengan agenda di peringkat nasional dan negeri; dan terakhir
- Mengenal pasti ruang-ruang rasuah yang baharu dengan menyemak semula prosedur sedia ada dan mengambil kira modus operandi pihak-pihak yang sering mengambil kesempatan terhadap sistem yang

sudah lama tidak dibuat pemantauan mahupun penambahbaikan.

23. Bukan itu sahaja, terdapat **5 Strategi** yang telah digariskan dalam pelan ini, berkaitan ketelusan perolehan awam, memperkukuh kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, memantapkan kredibiliti penguatkuasaan dan pelesenan, memperkukuh akauntabiliti dan integriti serta memupuk tadbir urus baik dalam sektor awam dan agensi. Seterusnya, sebanyak **77 inisiatif** telah dirancang untuk menjadikan Negeri Melaka bebas daripada rasuah. Daripada 77 inisiatif yang dikenal

pasti, sebanyak **42 inisiatif akan diberi keutamaan kerana berimpak tinggi.**

24. Seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, **5 Strategi** atau **Bidang Keutamaan** yang diberi penekanan ialah:-

i) **Bidang Keutamaan Perolehan Awam:**
menumpukan kepada proses perolehan bagi pengurusan projek, aset dan pemilihan kontraktor,

- ii) **Bidang Keutamaan Pentadbiran Awam:** sektor awam merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan peraturan, prosedur pengurusan sumber manusia,

- iii) **Bidang Keutamaan Penguatkuasaan dan Pelesenan :** penambahbaikan sistem dan prosedur bidang penguatkuasaan serta pelesenan bagi melindungi hak penguatkuasa dan orang awam,

- iv) **Bidang Keutamaan Tadbir Urus Politik :**
pemantapan dasar dan polisi melalui mekanisme kawalan terhadap pengasingan kuasa “*separation of power*” , dan

- v) **Bidang Keutamaan Tadbir Urus Korporat :**
kelestarian hala tuju anak syarikat, agensi berkaitan kerajaan agar mencontohi amalan terbaik sebagai daya tahan terhadap ancaman rasuah di jabatan dan agensi.

Datuk-datuk, tuan-tuan, puan-puan, para penjawat awam yang dihormati sekalian,

25. Sesungguhnya, kerjasama semua pihak adalah penentu kejayaan dan keberkesanan MACP ini dalam memastikan tadbir urus Kerajaan Negeri Melaka yang lebih jitu. Saya juga berharap agar seluruh jentera pentadbiran sentiasa peka terhadap perubahan semasa dengan mengambil kira pelbagai saluran maklumat seperti maklum balas, nasihat dan aduan supaya inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan serta terus menjadi panduan sekali gus menjadi rujukan kepada semua pihak.

26. Akhir kata, dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya melancarkan **Pelan Antirasuah Negeri Melaka (MACP) 2022 - 2026 yang bertemakan “Bersama-sama Mengekang Rasuah di Negeri Melaka”**

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

-TAMAT-